

# Maruah bahasa Malaysia

Oleh RATNA ROSHIDA AB. RAZAK

Bahasa, selain berfungsi sebagai alat untuk berkomunikasi, ia juga berperanan sebagai salah satu aset atau modal budaya sesuatu bangsa

**MENJELANG** 31 Ogos ini, kerajaan menyeru rakyat agar sama-sama merayakan 50 tahun kemerdekaan ini dengan semua premis perniagaan dan pentadbiran, rumah dan kenderaan dikehendaki mengibarkan Jalur Gemilang. Ternyata ini merupakan satu usaha yang tidak boleh dipandang ringan demi menyemarakkan erti kemerdekaan.

Jalur Gemilang yang merupakan satu nama yang diberikan kepada bendera Malaysia, merupakan satu simbol dan identiti negara yang merdeka. Berkibarnya bendera menunjukkan kemegahan negara. Di samping itu, terdapat satu perkara penting lagi yang merupakan identiti sesebuah bangsa dan negara yang merdeka iaitu bahasa.

'Bahasa Jiwa Bangsa' atau 'Bangsa Menunjukkan Bangsa' merupakan kenyataan budaya yang membawa maksud bahasa adalah produk sesuatu budaya.

Bahasa, selain berfungsi sebagai alat untuk berkomunikasi, ia juga berperanan sebagai salah satu aset atau modal budaya sesuatu bangsa. Tanpa bahasa identiti, sesebuah bangsa itu tidak dapat dikenali. Bukan itu sahaja, bahasa juga penting sebagai alat mempertahankan jati diri bangsa dan negara, mewujudkan kekuatan dalaman, tamadun dan budaya bangsa itu sendiri.

Sebagai 'modal budaya' terpenting, bahasa yang melambangkan identiti sesuatu bangsa amat diperlukan terutama untuk menangkis arus globalisasi agar kelangsungan dan kewujudan bangsa yang merdeka dapat dikekalkan.

Sebagai sebuah negara yang didiami oleh kaum yang pelbagai, peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan perlu dipandang dengan lebih serius. Dalam konteks bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan, keadaan akan terancam apabila penduduk negara ini menyetepikan bahasa Malaysia yang ada padanya nilai perpaduan, ekonomi dan ilmu.

Kesannya penduduk akan berpecah berdasarkan fungsi bahasa yang berbeza-beza. Bagaimana mungkin bangsa Malaysia dapat bersatu dan tahan menghadapi ancaman luar tanpa semangat patriotisme yang padu dan tulen seandainya tiada unsur utama dalam pembinaan tersebut?

Mungkin ada sesetengah pihak yang akan mengatakan bahawa kedudukan bahasa Malaysia kini sudah terjamin kerana ia merupakan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan.

Memang betul dakwaan ini, tetapi apabila erti semuanya itu kalau ia sekadar menjadi bahasa rasmi, tetapi dari segi penggunaan sering kali dipinggirkan, terutama apabila melibatkan orang kenamaan atau golongan *working class*.

Dari segi penggunaan secara mudah kita boleh melihat bukan sekadar mereka daripada golongan ahli perniagaan, malahan ada di kalangan ahli akademik juga lebih 'selesa' menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Malaysia, walhal



TANGAN-tangan generasi sekarang akan menentukan pembentukan tamadun negara ini berasaskan bahasa Malaysia.

- Reuters

mereka adalah orang Melayu dan bercakap sesama orang Melayu.

Namun kerana perasaan sayang atau cinta kepada bahasa sendiri tidak menebal dan sering menganggap bahasa Inggeris lebih tinggi kedudukannya, maka bahasa Melayu terus dikesampingkan.

Dalam kalangan ibu bapa hari ini juga kebanyakan mereka berpendapat bahawa untuk memahirkan anak-anak dengan bahasa Inggeris, ia perlu diajar semasa anak-anak masih kecil lagi. Hal ini memang ada kebenarannya.

Tetapi ibu bapa juga harus sedar bahawa jika bahasa asing ini diajar terlebih dahulu tanpa memberi penekanan kepada bahasa ibunda yang amat penting untuk proses melatih mereka berfikir, keadaan ini akan mengundang kepada masalah budaya bahasa.

Sewajarnya mereka perlu mengetahui apa tujuan sebenar mereka menguasai bahasa Inggeris. Adakah sekadar untuk menunjukkan bahawa rakyat di Malaysia berada seiring dengan negara maju, khususnya Amerika Syarikat atau Britain? Apa perlunya kita mengetahui bahasa Inggeris kalau sekadar untuk berbual-bual sesama

sendiri dan menunjukkan kepandaian kita bertutur dengan bahasa antarabangsa?

Adakah kita sedar bahawa kepentingan untuk mempelajari bahasa Inggeris ini sebenarnya untuk memudahkan kita dihubungkan dengan dunia luar, mempelajari dan mengimport ilmu pengetahuan yang terdapat dalam bahasa Inggeris dan mengeksport pengetahuan kita kepada mereka, dan bukan untuk menggantikan bahasa sendiri dengan bahasa asing?

Semua bangsa di dunia ini telah dianugerahkan oleh Tuhan dengan keupayaan untuk berfikir dan mencari ilmu dan pengetahuan dalam bahasanya sendiri. Seandainya bangsa itu tidak maju, maka puncanya bukan terletak pada bahasanya tetapi pada ketidakupayaan bangsa itu untuk mencipta atau mengembangkan ilmu menggunakan bahasa bangsa tersebut.

Sebagai generasi yang akan meneruskan pembinaan sebuah tamadun yang akan dikenali sebagai Tamadun Malaysia, kita perlulah memahami bahawa tamadun ini hanya akan dibentuk oleh bangsa kita, melalui pengalaman bersama bahasa asal yang dianggotai oleh bangsa itu. Tidak ada lagi dalam sejarah sebuah tamadun yang

kesusasteraannya, seni, muzik, sains, nilai sosial dan politiknya dibentuk oleh sebuah bangsa yang menggunakan bahasa asing, bahasa rojak atau bahasa yang dicampurkan.

Proses penciptaan tamadun yang sekali gus melambangkan pemikiran dan pandangan hidup bangsa yang menciptakan tamadun itu hanya terjadi melalui bahasa asal dan dalam konteks bangsa Malaysia, sudah tentulah bahasa Malaysia.

Justeru, demi mengisi makna sebuah kemerdekaan, kita perlu kembali menilai di manakah kita sebagai bangsa Malaysia yang merdeka telah menempatkan bahasa kebangsaan yang merupakan lambang jati diri dan maruah bangsa. Ini penting, agar kita tidak dianggap oleh orang luar sebagai bangsa yang tidak bermaruah dek kerana meminggirkan bahasa sendiri, iaitu bahasa Malaysia.

DR. RATNA ROSHIDA AB. RAZAK  
Bahagian Falsafah dan Tamadun,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia.